



28 Disember 2011
28 December 2011
P.U. (A) 422

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PELESENAN PERKAPALAN DALAM NEGERI (PINDAAN) 2011

DOMESTIC SHIPPING LICENSING BOARD (AMENDMENT) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PELESENAN PERKAPALAN DALAM NEGERI (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 65D Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/1952], Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri (Pindaan) 2011.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2011.

Penggantian peraturan 5

2. Peraturan-Peraturan Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri 1981 [P.U. (A) 27/1981], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 5 dengan peraturan yang berikut:

“5. Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat kepada Lembaga melalui cara elektronik atau dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.”.

Penggantian peraturan 6

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

“Maklumat tambahan

6. (1) Lembaga boleh secara bertulis, selepas menerima sesuatu permohonan di bawah peraturan 5 tetapi sebelum sesuatu ketentuan dibuat, menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan

sebagaimana yang didapati perlu oleh Lembaga bagi maksud menentukan kesesuaian pemohon untuk lesen.

(2) Jika apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak diberikan oleh pemohon, permohonan bagi lesen hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan tetapi tanpa menjelaskan suatu permohonan baru bagi lesen kepada Lembaga.”.

Peraturan baru 6A

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6 peraturan yang berikut:

“Kuasa Lembaga untuk meluluskan atau menolak permohonan

6A. (1) Apabila diterima suatu permohonan bagi lesen di bawah peraturan 5 dan apa-apa maklumat dan dokumen di bawah subperaturan 6(1), Lembaga boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Jika Lembaga menolak permohonan itu, Lembaga hendaklah memaklumkan pemohon secara bertulis mengenai penolakan itu.”.

Pindaan peraturan 7

5. Subperaturan (7)(1) dan (2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “fi yang berpatutan” dengan perkataan “fi yang ditetapkan”.

Pindaan peraturan 14

6. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan “dan tiap-tiap permohonan itu hendaklah disertakan dengan akuan berkanun yang dibuat oleh pemohon yang menyatakan maksud bahawa salinan asal lesen itu telah hilang atau rosak, mengikut mana-mana yang berkenaan”;

- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga” dengan perkataan “dalam borang yang ditentukan oleh Lembaga”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (3) subperenggan yang berikut:

“(4) Jika salinan asal lesen itu kemudiannya dijumpai selepas dikeluarkan suatu salinan lesen yang diperakui benar, lesen itu hendaklah dikembalikan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang boleh.”.

Pindaan peraturan 15

7. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “peraturan-peraturan 5, 6, 7,” dengan perkataan “peraturan-peraturan 5, 6, 6A, 7.”.

Pindaan peraturan 21

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 21 dengan peraturan yang berikut:

“21. Jika sesuatu lesen hilang atau rosak, pemegang lesen hendaklah–

- (a) memberitahu secara bertulis kepada Pegawai Pelabuhan di Jabatan Laut berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan itu; dan
- (b) mendapatkan suatu salinan lesen yang diperakui benar dengan seberapa segera daripada Lembaga.”.

Pindaan peraturan 24

9. Peraturan 24 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya” dengan perkataan “boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”.